

JADIKAN RAMADHAN TAHUN INI YANG TERBAIK!

ISU:1

1 RAMADHAN 1430H

21/22 OGOS 2009

Puasa: Pencetus Taqwa

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadirat Ilahi, dengan limpah kurniaNya kita dipanjangkan umur untuk sekali lagi menyambut Ramadhan Al-Mubarak, bulan penting untuk kita, bulan umat Islam menjalani ibadah puasa.

Namun tahukah kita apa artinya berpuasa dan mengapa kita diarahkan berpuasa?

Puasa dari segi syara' bererti menahan diri dari makan dan minum serta perkara-perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar sehingga terbenam matahari.



Sesungguhnya orang yang paling mulia di kalangan kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa. (Al-Hujurat:13)

Dalam surah Al-Baqarah :183 Allah berfirman yang bermaksud **"Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan orang-orang sebelum kamu, supaya kamu menjadi orang yang bertaqwa.**

Apabila kita renungkan ayat ini, kita akan mendapati gaya bahasa yang digunakan adalah ke arah mendekati diri dan melembutkan hati terhadap perintah ini agar ia dapat diterima. Allah mengetahui kelemahan hambaNya dan memanggil dengan panggilan yang paling disukai serta memperlihatkan bahawa puasa bukanlah sesuatu yang baru tetapi merupakan syariat Allah sejak dahulu lagi. *Semoga kamu bertaqwa*—adakah di sana sesuatu yang lebih bernilai dari taqwa?

Darjat bertaqwa adalah darjat paling tinggi yang boleh dicapai seorang hamba. Orang-orang yang bertaqwa dijanjikan pelbagai ganjaran dari Allah sebagaimana firmanNya dalam Al-Quran.

Sesungguhnya bagi orang-orang yang bertaqwa disediakan syurga yang penuh kenikmatan disisi Tuhannya, (Al-Qalam:34)

Dan bersegeralah kepada keampunan dari Tuhanmu dan syurganya yang seluas langit dan bumi yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa. (Ali-Imran:133)

Alif, Lam, Mim. Kitab Al-Quran ini tidak ada keraguan di dalamnya petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa (Al-Baqarah:1-2)

Barangsiapa bertaqwa kepada Allah, nescaya Dia akan membukakan jalan keluar baginya dan Dia akan memberinya rezeki dari arah yang tidak disangkakan. (At-Talaq : 2-3)

Janji Allah, jika kita berpuasa dengan sebenar puasa, kita akan tergolong orang-orang bertaqwa dan dikurniakan syurga, keampunan, hidayah, rezeki, dan darjat kemuliaan di sisi Allah. Amin.

"Sesungguhnya telah hadir bulan Ramadhan, bulan berkat, Allah telah mewajibkan ke atas kamu berpuasa, dibukakan pintu-pintu syurga, ditutup rapat pintu neraka dan ditambah para syaitan. Di bulan ini terdapat satu malam yang terbaik dari seribu bulan. Sesiapa yang tidak berusaha mendapat kebaikannya, sesungguhnya dia rugi."
(Maksud Hadith Riwayat Ahmad dan An-Nasa'i)

Kuiz Ramadhan:

- 1) Bilakah ayat mewajibkan berpuasa (Al-Baqarah:183) turun?
- 2) Dalam surah dan ayat manakah disebut bahawa Al-Quran diturunkan dalam bulan Ramadhan?
- 3) Apakah nama pintu syurga yang disediakan untuk orang-orang yang berpuasa?

(Jawapan di belakang)

Kelebihan Ramadhan

Selain puasa, bulan Ramadhan juga mempunyai pelbagai kelebihan antaranya:

1) Bulan diturunkan Al-Quran:

"Bulan Ramadhan padanya diturunkan Al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang benar dan yang batil).

2) Bulan Berkat

Sebagaimana hadith di atas. (kotak biru)

3) Bulan Penghapus Dosa

Rasulullah saw bersabda yang bermaksud, sesiapa berpuasa Ramadhan dan berjaga malamnya dengan penuh kepercayaan dan ketulusan ikhlasnya nescaya diampunkan dosanya yang telah lalu.

4) Bulan Lailatul Qadar

Surah Al-Qadr: 1-5

KANDUNGAN:

Ramadhan: Pencetus Taqwa	1
Kelebihan Ramadhan	1
Kuiz Ramadhan	1
10 Senarai semak persediaan dan pelaksanaan puasa	2
Kartun	2
Jawapan Kuiz	2
Checklist Ibadah di bulan Ramadhan	3

Jadikan Ramadhan tahun ini yang terbaik!

10 Senarai Semak Persiapan dan Pelaksanaan Puasa

- 1) Niatkan rasa sukacita kita dalam hati akan kedatangan Ramadhan.
- “Barangsiapa yang dihatinya gembira akan kedatangan Ramadhan, maka Allah haramkan jasadnya untuk masuk neraka” -maksud hadith
- 2) Memohon maaf kepada ibubapa, suami/isteri, anak-anak, saudara dan sahabat handai.
- 3) Bersihkan pakaian taqwamu dari hadas, najis, mahupun penyakit, sebelum, ketika dan sesudah menjalankan ibadah puasa.
- 4) Niatkan dalam hati untuk melaksanakan ibadah puasa dengan penuh kesungguhan dan sekuat tenaga untuk menjalankan ibadah nawafil (sunnat)
- 5) Tingkatkan iman dan taqwa, anjurkan dan hadir majlis-majlis ilmu Islam di tempat anda.
- 6) Banyakkan membaca dan memahami Al-Quran, cuba untuk khatam dan teruskan amalan ini selepas Ramadhan
- 7) Tinggalkan perbuatan maksiat dan perbuatan sia-sia yang tiada nilai pahala.
- 8) Tingkatkan amar maaruf nahi mungkar, saling menasihati dan banyakkan bersabar
- 9) Beri'tikaf pada 10 hari terakhir Ramadhan, sesuai sunnah Rasulullah SAW
- 10) Ingatlah, bukan pakaian yang baru yang diterima di sisi Allah SWT, tetapi kebagusan ibadah kita yang utama.



Sunat-sunat Puasa

- 1) Menyegerakan berbuka apabila telah yakin waktu berbuka
- Rasulullah saw bersabda:
Bermaksud: Allah berfirman:”
Hambaku yang lebih aku cintai adalah mereka yang menyegerakan berbuka.”



Doa Berbuka Puasa:
Ya Tuhanku, keranaMu jua aku berpuasa dan denganMu aku beriman dan di atas rezekiMu aku berbuka puasa dengan belas kasihMu Ya Allah yang Maha Mengasihani

- 2) Makan sahur walaupun sedikit. Rasulullah saw bersabda: Bermaksud: “*Makan sahur itu berkat, oleh kerana itu janganlah kamu tinggalkan walau hanya sekedar meneguk seteguk air, kerana Allah merahmati orang yang makan sahur dan malaikat mendoakannya.*”
- 3) Melambatkan makan sahur
- 4) Berbuka dengan kurma atau benda yang manis
- 5) Memperbanyakkan membaca Al-Quran
- 6) Beriktikaf siang hari di masjid
- 7) Menghadiri majlis-majlis ilmu
- 8) Menyediakan makanan untuk berbuka bagi orang-orang yang berpuasa

JAWAPAN KUIZ RAMADHAN:

- 1) BULAN SYAABAN TAHUN 2 HIJRAH
- 2) SURAH ALBAQARAH :185
- 3) PINTU AR-RAYYAN

Selamat Menyambut Ramadhan Al-Mubarak dan Selamat Berpuasa diucapkan kepada semua muslimin dan muslimat di mana jua anda berada.



MAJLIS SYURA MUSLIMUN (MSM)
NORTHWEST,

HTTP://MSMNORTHWEST.WORDPRESS.COM

EMAIL: msm_nw@yahoo.co.uk